

Peningkatan Pencapaian dalam Pecahan: Kerangka Konseptual untuk Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital Menggunakan Minecraft

Enhancement of Achievement in Fractions: A Conceptual Framework for Digital Game-Based Learning using Minecraft

Rayner Bin Tangkui^{1*}, Tan Choon Keong²

¹Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah; raynertangkui@gmail.com

²Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah; cktanums@gmail.com

* Corresponding author

Abstrak

Kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah membawa kepada berkembangnya inovasi dan kecanggihan permainan digital. Pelbagai kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan permainan digital adalah berkesan dalam menggalak keterlibatan, motivasi, minat serta peningkatan pencapaian murid dalam pembelajaran. Di samping itu, pembelajaran berasaskan permainan digital juga mampu menyemai kemahiran abad ke-21 seperti kreativiti, komunikasi, kolaborasi dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Namun demikian, laporan Trends in Mathematics and Science Study (TIMSS) dan Programme for International Student Assessment (PISA) menunjukkan bahawa pencapaian murid Malaysia dalam matematik khususnya yang berkaitan dengan pecahan adalah kurang memuaskan iaitu berada di bawah skor purata antarabangsa. Pembelajaran berasaskan permainan digital yang mengaplikasi Minecraft dilihat mempunyai potensi untuk meningkatkan pencapaian murid dalam pecahan. Dengan itu, objektif kertas konsep ini adalah untuk membincangkan kerangka konsep bagi pembangunan persekitaran pembelajaran maya (*virtual learning environment*) melalui pembelajaran berasaskan permainan digital yang mengaplikasi Minecraft bagi meningkatkan pencapaian murid dalam pecahan.

Kata Kunci: pembelajaran berasaskan permainan digital, Minecraft, pecahan.

Abstract

The rapid advancement in information and communication technology (ICT) has led to the increase in digital games innovation and sophistication. Numerous studies have shown that digital game-based learning is able to effectively encourage engagement, motivation, interest as well as increasing pupils' achievement in learning. In addition, digital game-based learning can also cultivate 21st-century skills such as creativity, communication, collaboration and higher order thinking skills (HOTS). However, the reports in Trends in Mathematics and Science Study (TIMSS) and the Program for International Student Assessment (PISA) have shown that the achievement of Malaysian pupils in mathematics especially in relation to fractions is not satisfactory, which is below the international average score. Digital game-based learning which applies Minecraft has been seen to have the potential in improving

pupils' achievement in fractions. Thus, the objective of this concept paper is to discuss the conceptual framework for the development of a virtual learning environment through digital game-based learning that applies Minecraft in order to increase pupils' achievement in fractions.

Keywords: digital game-based learning, Minecraft, fractions.

PENGENALAN

TMK telah menjadi suatu bentuk teknologi yang penting terutama dalam era ledakan maklumat masa kini. Pengaruh TMK bukan sahaja dapat dilihat dalam bidang yang berkaitan dengan pentadbiran dan ekonomi tetapi juga dalam bidang pendidikan. Pengaruh TMK dalam bidang pendidikan dapat dilihat secara spesifik melalui integrasi TMK dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Pelaksanaan PdPc yang di integrasi dengan TMK seperti penggunaan permainan digital merupakan antara inisiatif penting yang perlu diberi perhatian dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik, menggalakkan keterlibatan aktif serta memotivasikan murid untuk mengikuti sesi PdPc yang disampaikan guru. Pengintegrasian TMK dalam PdPc adalah penting bagi memberi nilai tambah kepada sesi PdPc agar mampu mewujudkan kaedah baru dan inovatif dalam penyampaian pengajaran.

PENYATAAN MASALAH

Pecahan merupakan salah satu konsep yang penting dalam matematik namun turut dianggap sebagai antara konsep yang kompleks. Kemampuan untuk memahami dan menguasai konsep pecahan dengan baik akan menyediakan asas yang kukuh bagi membentuk dan mengembangkan idea matematik (Zakiah, Norhapidah, Mohamad Nizam, Hazaka & Effandi., 2013), menguasai konsep matematik yang lebih kompleks seperti konsep algebra (Booth, Newton & Twiss-Gritty, 2014) dan membantu dalam penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian khususnya yang melibatkan pengiraan dan pengukuran seperti peratus, nisbah, kadar serta perpuluhan (Abdul Halim, Nur Liyana & Marlina, 2015; Booth & Newton, 2012; Ndalichako, 2013; Wijaya, 2017). Di Malaysia, topik pecahan telah mula diperkenalkan kepada murid sejak dari peringkat sekolah rendah lagi iaitu di Tahun Satu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pecahan merupakan salah satu topik dalam bidang Nombor dan Operasi yang diajar selepas topik nombor bulat. Objektif pembelajaran pecahan di sekolah rendah adalah penguasaan terhadap konsep asas pecahan, operasi pecahan iaitu tambah, tolak, darab, bahagi serta pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran pecahan dalam penyelesaian soalan berbentuk rutin dan bukan rutin.

Walaupun topik pecahan telah diperkenalkan sejak dari peringkat awal lagi, murid Malaysia masih menghadapi kesukaran untuk memahami dan menguasai konsep pecahan dengan baik. Laporan International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA) dan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) berkaitan pencapaian literasi matematik murid

Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa iaitu Trends in Mathematics and Science Study (TIMSS) dan Programme for International Student Assessment (PISA) menunjukkan bahawa kebanyakan murid Malaysia belum memperoleh tahap pencapaian yang memuaskan dalam matematik sehingga menyumbang kepada kemerosotan kedudukan Malaysia berbanding negara lain dari segi penguasaan literasi (Mullis, Martin, Foy & Arora, 2012; Mullis, Martin, Foy & Hooper, 2016; Nor'ain & Mohan Chinnappan, 2016; OECD 2013). Skala pencapaian TIMSS meletakkan pencapaian murid pada empat tahap penanda aras berdasarkan skor purata yang diperoleh berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: Tahap penanda aras antarabangsa dan skor purata

Tahap Penanda Aras	Skor Purata
Penandaarasan antarabangsa tertinggi	625
Penandaarasan antarabangsa tinggi	550
Penandaarasan antarabangsa sederhana	475
Penandaarasan antarabangsa rendah	400

Sumber: Mullis et. al. (2016)

Dalam PISA 2012, Malaysia mendapat skor literasi matematik 421. Skor ini berada di bawah purata skor OECD (494) dan skor purata antarabangsa (548). Dengan memperolehi skor ini, Malaysia berada di kedudukan ke 52 daripada 65 buah negara yang mengambil bahagian dan berada di bawah negara-negara Asia Tenggara seperti Singapura (573), Vietnam (511) dan Thailand (427) (Abdul Halim et. al., 2015; OECD, 2013, 2010). Kerangka pentaksiran TIMSS bagi literasi matematik adalah terdiri daripada soalan matematik yang mentaksir domain Nombor dan pecahan merupakan tajuk yang terdapat dalam domain Nombor.

Salah satu faktor yang menyebabkan murid Malaysia mempunyai pengetahuan dan kefahaman konsep pecahan yang kurang memuaskan adalah miskonsepsi nombor bulat yang juga dikenali sebagai *Whole Number Bias* (Ni & Zhou, 2005) atau *Natural Number Bias* (Alibali & Sidney, 2015). Miskonsepsi nombor bulat berlaku kerana murid menganggap bahawa konsep nombor bulat boleh diaplikasikan ke atas pecahan kerana konsep nombor bulat dan konsep pecahan adalah sama (Lamon, 2008; Siegler & Pyke, 2013). Murid cenderung mengeneralisasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari daripada topik nombor bulat ke topik pecahan walaupun dari struktur nombor bulat adalah berbeza dengan struktur pecahan (Van de Walle, Karp & Bay-Williams, 2019). Miskonsepsi ini akan memberi kesan terhadap pengetahuan dan pemahaman konsep pecahan di kalangan murid disebabkan murid menganggap bahawa pengangka dan penyebut adalah dua nombor bulat yang berasingan dan bukannya dua nombor yang saling berkait antara satu sama lain (DeWolf & Vosniadou, 2015). Berdasarkan dapatan ini, terdapat keperluan untuk menangani miskonsepsi ini bagi memperkukuh pengetahuan dan pemahaman murid terhadap konsep pecahan sekali gus meningkatkan pencapaian murid Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Permainan Digital

Permainan digital telah menjadi sumber hiburan sejak beberapa dekad yang lalu dan akan terus menjadi sumber hiburan di masa akan datang (Sailer, Hense, Mayr & Mandl, 2017). Entertainment Software Association (2019) menganggarkan bahawa jualan permainan digital pada tahun 2018 adalah melebihi nilai 43.4 bilion USD. Permainan digital dimainkan oleh sebanyak 164 juta atau 65% penduduk dewasa di Amerika Syarikat. Di Malaysia, nilai eksport yang dihasilkan oleh lebih 60 buah studio pembangun permainan digital tempatan adalah berjumlah RM600 juta (The Star, 2019). Nilai-nilai ini jelas menunjukkan bahawa permainan digital sememangnya mendapat permintaan yang tinggi dan berupaya menjana pulangan pendapatan yang baik. Melihat kepada keupayaan permainan digital dalam menarik minat dan perhatian murid serta pelajar, golongan pendidik sudah mula mengambil inisiatif untuk mengintegrasikan permainan digital ke dalam persekitaran pendidikan.

Dirujuk menggunakan istilah *game*, Prensky (2001) mendefinisikan *game* sebagai sesuatu yang berasaskan kepada konsep keseronokan. Salen dan Zimmerman (2004) mendefinisikan *game* sebagai sebuah sistem yang mencetus keterlibatan pemain-pemainnya dalam suatu konflik tiruan (*artificial conflict*), ditakrifkan oleh peraturan serta menghasilkan hasil (*outcomes*) yang boleh diukur. Noor Azli, Nor Azan dan Shamsul Bahri (2008) mendefinisikan permainan digital sebagai permainan komputer atau video dalam bentuk aplikasi digital yang boleh dikawal oleh pemain atau sekumpulan pemain menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan *tablet*. Bagi skop kertas konsep ini, permainan digital didefinisikan sebagai suatu sistem interaktif yang mempunyai peraturan, cabaran dan matlamat yang berupaya mencetus keterlibatan pemain-pemain dengan adanya ciri-ciri hiburan, maklum balas berterusan (*constant feedback*) dan perkembangan (*progress*) ke arah matlamat tersebut selaras dengan definisi yang diketengahkan oleh Bhuiyan dan Mahmud (2015).

Apabila membincangkan mengenai permainan digital, salah satu aspek yang perlu diperincikan adalah perbezaan antara jenis permainan (*game type*) dengan genre permainan (*game genre*). Setiap permainan digital dibezakan berdasarkan judul, bentuk interaksi dengan pemain, kaedah permainan dan gaya penceritaan. Menurut Grace (2005), jenis permainan merujuk kepada ciri-ciri *gameplay* sesebuah permainan digital. *Gameplay* merujuk kepada keseluruhan pengalaman yang dialami pemain semasa berinteraksi dengan permainan digital (Rollings & Adams, 2003). Pengalaman yang dialami kesan interaksi dengan permainan digital adalah dipengaruhi oleh elemen dan komponen seperti aspek taktikal permainan digital berkenaan, plot, peraturan, cabaran, objektif dan cara mencapai objektif tersebut, aktiviti yang dilaksanakan dalam dunia maya permainan digital serta *game mechanics* (Adams & Dormans, 2012; Adams, 2010; Fabricatore, Nussbaum & Rosas, 2002; Salen & Zimmerman, 2004). Jenis permainan adalah merangkumi aksi (*action*), pengembaraan (*adventure*), teka-teki (*puzzle*), main peranan (*role play*), simulasi (*simulation*) dan strategi (*strategy*). Genre permainan pula adalah merujuk kepada gaya penceritaan sesebuah permainan digital. Genre merupakan istilah yang lazim digunakan dalam bidang perfileman bagi membezakan gaya penceritaan

antara satu filem dengan filem lain. Grace (2005) menyenaraikan sembilan genre permainan utama dan genre-genre ini merangkumi drama, jenayah, fantasi, seram, misteri, fiksyen sains, perang, pengintipan dan sejarah. Pengetahuan mengenai jenis permainan dan genre permainan adalah penting untuk memberi penjelasan mengapa permainan digital berupaya menarik perhatian dan minat pemain dari pelbagai lapisan masyarakat. Ini adalah kerana setiap individu masing-masing meminati jenis permainan dan genre permainan yang tertentu, dan ciri ini perlu diambil kira khususnya dalam kalangan golongan pendidik sebelum mengaplikasikan permainan digital sebagai alat pengajaran di bilik darjah.

Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital

Melihat kepada persekitaran pendidikan masa kini, golongan pendidik sudah mula memberi perhatian dan menunjukkan minat terhadap permainan digital khususnya terhadap potensi permainan digital untuk diaplikasi dalam pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan. Ini adalah kerana golongan pendidik mula menyedari bahawa permainan digital mempunyai keupayaan untuk menarik perhatian, menggalakkan keterlibatan (*encourage engagement*) serta bersifat *immersive*, iaitu berupaya mencetus penghayatan yang tinggi kepada pemainnya sehingga permainan digital tersebut dimainkan selama berjam-jam (Kirriemuir & McFarlene, 2004). Kanak-kanak adalah termotivasi dan menunjukkan minat serta keterlibatan yang tinggi semasa memainkan permainan digital dan golongan pendidik khususnya guru ingin melihat sifat yang sama ditunjukkan oleh murid semasa mengikuti pembelajaran di bilik darjah (Peetsma & Van der Veen, 2015). Dengan itu, terdapat usaha untuk mengintegrasikan permainan digital di dalam pelaksanaan PdPc kerana mengambil kira kelebihan yang dapat diperolehi melalui penggunaan permainan digital sebagai alat bantu mengajar.

Menurut Huizenga (2017) serta Wong dan Kamisah (2018), tidak terdapat definisi yang spesifik untuk menjelaskan mengenai pembelajaran berasaskan permainan digital. Namun demikian, pembelajaran berasaskan permainan digital lazimnya di definisi berdasarkan beberapa ciri umum. Pembelajaran berasaskan permainan digital merupakan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital (Prensky, 2001). All, Castellar & Van Looy (2016) mendefinisikan pembelajaran berasaskan permainan digital sebagai penggunaan permainan digital untuk tujuan pendidikan, yang mengandungi kedua-dua elemen hiburan dan pendidikan. Wiggins (2016) menjelaskan pembelajaran berasaskan permainan digital sebagai penggunaan permainan digital dalam konteks pendidikan bagi tujuan mencapai objektif pembelajaran. Wang, Liu, Lin & Xiang (2011) menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan permainan digital merupakan penggunaan permainan digital untuk menjadikan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan berbanding kaedah konvensional manakala menurut Al-Azawi, Al-Faliti dan Al-Blushi (2016), pembelajaran berasaskan permainan digital merupakan integrasi permainan digital dalam PdPc untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran. Hwang, Chiu dan Chen (2015) serta Yang (2015) menyatakan bahawa konsep yang diketengahkan oleh kaedah pembelajaran ini adalah pendekatan belajar sambil bermain.

Pembelajaran berasaskan permainan digital dapat dikenal pasti melalui beberapa ciri tertentu. Kaedah pengajaran ini menggabungkan ciri permainan (*game features*) dengan kandungan pengajaran dan dengan itu memberikan suatu bentuk alat bantu pembelajaran kepada murid. Ciri-ciri pembelajaran berasaskan permainan digital adalah mempunyai antara muka bergambar (*pictorial interface*) dan wujudnya cabaran yang mendorong murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran, sekali gus mencetus peningkatan motivasi untuk belajar dan hasil pembelajaran serta merangsang keseronokan dalam persekitaran yang menghiburkan (Bawa, Watson & Watson, 2018). Dengan itu, pembelajaran berasaskan permainan digital berupaya menyediakan persekitaran pembelajaran yang efektif di mana murid dapat mengembangkan kemahiran dan pengetahuan asas dalam bidang-bidang tertentu selaras dengan perkembangan era teknologi digital (Hwang et. al., 2015). Secara umum, keberkesanan pembelajaran berasaskan permainan digital lazimnya bergantung murid untuk menetapkan sasaran yang ingin dicapai semasa menyelesaikan cabaran, memantau kemajuan untuk menentukan sama ada strategi yang digunakan adalah bersesuaian untuk mencapai sasaran serta bagi guru untuk melaksanakan pemantauan berterusan terhadap kemajuan murid semasa pembelajaran berasaskan permainan digital dan memberikan bimbingan serta sokongan berterusan kepada murid (Chen, 2017; Sung, Hwang, Lin & Hong, 2017).

Permainan Digital Minecraft

Minecraft merupakan permainan digital ‘dunia-terbuka’ (*open-world*) di dalam persekitaran ‘*sandbox*’ yang merupakan salah satu permainan digital yang terlaris dalam sejarah. Permainan digital ‘dunia-terbuka’ merupakan permainan digital di mana penerokaan dan penjelajahan dunia maya dilakukan oleh pemain tanpa adanya pengakhiran yang jelas atau sasaran yang perlu dicapai (Donellan, 2019). Dalam konteks Minecraft, pemain tidak mempunyai matlamat atau sasaran khusus untuk dicapai. Ini memberi kebebasan kepada pemain untuk memilih bagaimana untuk memainkan permainan digital tersebut. Persekitaran dunia Minecraft adalah terdiri daripada entiti berbentuk blok 3D dengan warna dan corak yang berbeza. Secara umum, pemain yang berada dalam persekitaran dunia maya Minecraft ini akan mengumpul (*collecting*), memecah (*breaking*), membina semula (*reconstructing*), mengalih (*removing*) dan meletak (*placing*) objek berbentuk blok 3D secara rawak dalam dunia maya tersebut, di mana perlakuan ini membolehkan pemain membentuk sebarang struktur atau binaan dengan manipulasi blok mengikut daya imaginasi pemain (Kim & Park, 2018; Lane et. al., 2017; Ekaputra et. al., 2013; Nebel et. al., 2016; Mojang, 2015a; Bos et. al., 2014). Dalam mod *Creative*, pemain dibekalkan dengan pelbagai jenis blok serta bahan dan sumber seperti pedang, cangkul, air, tanah, bahan letupan, api dan sebagainya (Gallagher, 2015). Namun demikian, dalam meneroka dunia maya Minecraft, pemain juga berupaya untuk mencari dan mengumpul sumber bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan sesuatu peralatan, objek atau struktur. Melalui daya kreativiti serta imaginasi, pelbagai peralatan, objek dan struktur boleh dihasilkan dengan sumber atau bahan yang ditemukan tersebut yang masing-masing mempunyai fungsi dan peranan tertentu dalam dunia maya berkenaan.

Minecraft merupakan salah satu daripada permainan digital yang digunakan sebagai alat pengajaran untuk pelbagai topik dan subjek di seluruh dunia (Minecraft Teachers, 2015; Short, 2012). Penerimaan guru dan golongan pendidik bahawa Minecraft berpotensi dijadikan alat pengajaran menandakan bahawa Minecraft telah pun diaplikasi dalam persekitaran sekolah (Callaghan, 2016; Nebel et. al.,

2016; Mail, 2015; Sáez-López et. al., 2015; Cipollone et. al., 2014). Sekolah-sekolah di Amerika dan Sweden telah mengintegrasikan Minecraft ke dalam kurikulum mereka sejak tahun 2013 (Karsenti et. al., 2017). Minecraft telah diintegrasikan ke dalam pelaksanaan PdPc untuk menyokong pembelajaran STEM (Lane et. al., 2017), geometri (Kim & Park, 2018; Bos et. al., 2014), bahasa dan literasi (Lyngstad, 2017; Bebbington, 2014; Garcia Martinez, 2014; Hanghøj et. al., 2014), kesusasteraan (Cipollone et. al., 2014), penceritaan digital (Garcia Martinez, 2014), kemahiran sosial (Petrov, 2014), aplikasi seni komputer (Garcia Martinez, 2014) dan pengurusan projek (Saito et. al., 2014). Terdapat banyak aspek dalam Minecraft yang dapat dijadikan alat pengajaran yang berkesan dan dalam masa yang sama adalah menyeronokkan.

Kajian Lepas Berkenaan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital Menggunakan Minecraft

Pelbagai kajian berkenaan pembelajaran berasaskan permainan digital telah dijalankan yang melibatkan pelbagai subjek seperti Bahasa Inggeris (Yeh, Hung & Hsu, 2017), Geografi (Khairuddin et. al., 2017), Matematik (Ku et. al., 2014), Sains (Hwang, Hung & Chen, 2014) dan Fizik (Kao et. al., 2017). Kajian berkenaan penggunaan pembelajaran berasaskan permainan digital dalam menyokong kreativiti juga turut dijalankan (Behnamnia et. al., 2020). Dapatan kajian-kajian berkenaan pembelajaran berasaskan permainan digital menunjukkan kesan positif terhadap pembelajaran murid. Kesan positif seperti menggalakkan kolaborasi (Asselstine et. al., 2015), meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah (Chen, Liao & Chang, 2015; Hwang et. al., 2014; Gee, 2003), meningkatkan prestasi dan keyakinan murid (Ku et. al., 2014) dan menarik minat terhadap pembelajaran (Liu & Chen, 2013; Nazirah et. al., 2013) jelas membuktikan bahawa permainan digital yang diaplikasi dalam PdPc berpotensi digunakan dalam persekitaran pendidikan.

KERANGKA KONSEPTUAL PEMBELAJARAN BERASASKAN PERMAINAN DIGITAL MENGGUNAKAN MINECRAFT

Dalam melaksanakan kajian ini, teori pembelajaran yang terdiri daripada teori main, teori *connectionism*, teori konstruktivisme kognitif, teori konstruktivisme sosial dan teori rangsangan deria serta elemen 'dunia terbuka' Minecraft digabung bagi membentuk kerangka konseptual kajian ini.

Teori Pembelajaran

Beberapa teori pembelajaran telah dirujuk dalam usaha membangunkan kerangka konsep pembelajaran berasaskan permainan digital yang akan menyokong peningkatan pencapaian murid dalam pecahan. Rujukan terhadap teori pembelajaran di buat oleh kerana teori pembelajaran berupaya membantu dalam memahami asas masalah pembelajaran dan memberi panduan yang berkesan dan bersesuaian untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi murid dengan membuat penilaian, menyemak bahan serta mengenal pasti teknik dan kaedah yang boleh digunakan untuk membantu murid. Teori pembelajaran yang dirujuk merangkumi teori main, teori *connectionism*, teori konstruktivisme kognitif, teori konstruktivisme sosial dan teori rangsangan deria (*sensory stimulation*

theory). Teori main yang dipelopori oleh Piaget dan Vygotsky telah dirujuk memandangkan kedua-dua tokoh ini membincangkan secara spesifik ciri-ciri main yang berkaitan dengan perkembangan kognitif iaitu melalui perubahan peringkat main dan interaksi sosial (Van Hoorn et. al., 2007). Teori *connectionism* menjelaskan bahawa murid akan lebih bersemangat untuk belajar sekiranya mengetahui akan mendapat sesuatu yang baik seperti ganjaran dan pembelajaran akan lebih berkesan apabila latihan dilakukan secara berulang-ulang dalam jumlah yang banyak. Teori konstruktivisme kognitif adalah teori pembelajaran yang menyatakan bahawa pengetahuan yang diperoleh semasa proses pembelajaran dibina berdasarkan pengalaman yang diperoleh dari proses pembelajaran sebelumnya. Murid perlu membina pengetahuan baru secara aktif berdasarkan pengalaman yang telah dimiliki sebelum ini atau pengalaman sedia ada manakala peranan guru atau pendidik adalah membimbing serta menyediakan sumber atau bahan yang bersesuaian dengan keperluan murid (Dagar & Yadav, 2016). Teori konstruktivisme sosial adalah teori pembelajaran yang menyatakan bahawa pengetahuan dibina melalui interaksi sosial. Berdasarkan teori ini, pengetahuan dan idea seseorang murid terbina melalui interaksi dengan guru atau murid lain manakala teori rangsangan deria menjelaskan bahawa sebagai sebuah sistem interaktif, permainan digital berupaya merangsang lebih dari satu deria semasa pembelajaran dan semakin banyak deria dirangsang, semakin banyak maklumat dapat diproses melalui deria-deria dan dengan itu memberi lebih banyak input kepada murid untuk diperoleh, diproses, dikaitkan dan ditafsir sehingga membolehkan murid lebih memahami sesuatu konsep yang disampaikan serta mengekalkan pengetahuan konsep tersebut dengan lebih lama dalam minda yang dapat dikeluarkan semula (*recall*) apabila diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi (Obaid, 2013; Shabiralyani, Hasan, Hamad & Iqbal, 2015).

Pembelajaran Pecahan Menggunakan Minecraft

Kajian Rodrigues et. al. (2017) serta Siegler & Pyke (2013) mendapati bahawa murid menghadapi kesukaran untuk memahami konsep utama pecahan khususnya konsep hubungan pengangka dengan penyebut serta konsep pecahan setara. Murid melihat pecahan sebagai sepasang nombor (pengangka dan penyebut) yang mewakili kuantiti tertentu tanpa adanya hubungan antara kedua-dua kuantiti tersebut (Stafylidou & Vosniadou, 2004). Kesukaran untuk memahami konsep pecahan yang abstrak telah menyebabkan murid tidak mempunyai pemahaman dan pengetahuan konseptual pecahan yang mendalam dan kukuh (Zakiah et. al., 2013; Simon et. al., 2018). Minecraft dilihat berpotensi untuk digunakan dalam pembelajaran pecahan terutama dalam mengukuhkan pemahaman dan pengetahuan konseptual pecahan disebabkan Minecraft membolehkan aktiviti berbentuk '*hands-on*' dilakukan melalui manipulasi ke atas blok, peralatan serta bahan yang terdapat dalam dunia maya Minecraft. Blok tersebut dapat disusun dengan cara yang dapat menghasilkan struktur atau objek yang mewakili pecahan. Struktur atau objek yang dihasilkan bagi mewakili pecahan akan membantu murid memvisualisasi nilai pecahan dengan lebih jelas dan ini akan membantu murid untuk mempunyai pemahaman konseptual pecahan yang lebih baik. Sebagai contoh, satu blok berwarna kuning yang diletakkan di atas satu blok lutsinar boleh mewakili pecahan dengan nilai 'satu per dua' seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Berdasarkan rajah tersebut, dua blok berkenaan menunjukkan nilai dua dan blok yang berwarna tersebut dikira sebagai nilai satu. Melalui manipulasi *hands-on* ke atas blok-

blok tersebut, yang juga dikenali sebagai manipulatif iaitu bahan atau objek yang dimanipulasi, aktiviti berkaitan operasi asas seperti menambah, menolak dan mendarab pecahan dapat dilakukan dalam persekitaran dunia Minecraft. Pelaksanaan aktiviti *hands-on* ini akan membantu mewujudkan hubungan antara aktiviti berkenaan dengan konsep pecahan yang abstrak kerana dengan berinteraksi serta melakukan aktiviti secara *hands-on*, kemahiran matematik murid akan dapat dipertingkatkan dan ini sekali gus membantu murid untuk memahami konsep matematik yang abstrak kerana murid dapat memvisualisasikan konsep tersebut dengan baik dalam minda (Holmes, 2013; Kontaş, 2016). Manipulasi yang dilakukan ke atas bahan manipulatif sama ada dalam bentuk objek konkrit mahupun bentuk maya berupaya membantu dalam memperkukuh pemahaman konsep matematik (Hartshorn & Boren, 1990). Bruner (1977), Dienes (1973) dan Piaget (1965) turut menyatakan bahawa murid akan membina pengetahuan yang semakin kompleks melalui penglibatan aktif dengan bahan manipulatif. Rajah 2 menunjukkan contoh aktiviti penyelesaian masalah pecahan yang dapat disediakan oleh guru untuk dilaksanakan oleh murid di dalam persekitaran dunia maya Minecraft. Bagi menyelesaikan permasalahan berkenaan, murid perlu melakukan manipulasi *hands-on* terhadap kedudukan atau susunan blok tersebut dan ini dapat dilakukan dengan memecah, menambah dan menyusun blok-blok tertentu.



Rajah 1: Susunan blok yang membentuk nilai pecahan ‘satu per dua’



Rajah 2: Penambahan pecahan sama penyebut


Kerangka Konseptual Kajian

